A

Mohd Zulazri bin Minhat lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — RAYUAN JENAYAH NO MA-42S-2–06 TAHUN 2020
MAIDZUARA MOHAMMED PK
6 OKTOBER 2021

C *Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh dengan kesalahan di bawah s 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman lima tahun penjara dan satu sebatan — Sama ada sabitan oleh mahkamah sesyen adalah terkhilaf — Sama ada rayuan terhadap hukuman mesti dibenarkan*

D

Perayu dituduh di mahkamah sesyen dengan kesalahan memberikan kepada diri sendiri dadah jenis methamphetamine yang merupakan kesalahan di bawah s 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan juga mempunyai dua rekod terdahulu di bawah seksyen yang sama. Melalui rekod tersebut, perayu telah dikenakan dua perintah pengawasan yang dikeluarkan oleh mahkamah sesyen. Setelah bicara penuh, mahkamah sesyen telah sabit kesalahan dan jatuhkan hukuman penjara lima tahun dan satu sebatan. Oleh itu, rayuan ini oleh perayu terhadap sabitan dan hukuman.

E

F

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Keterangan SP1 mengenai pengambilan sampel urin daripada perayu dan ujian ke atas sampel urin perayu adalah mantap. Keterangan SP3 mengenai pengambilan urin sampel perayu dan ujian urin sampel perayu menyokong keterangan SP1. Mahkamah sesyen tidak terkhilaf untuk menerima keterangan mereka. Terdapat material yang mencukupi untuk membuat dapatan memihak kepada pendakwaan (lihat perenggan 5, 7 & 9–10).

G

H

(2) SP1 telah menerangkan kedudukan tandatangannya di atas label di botol urin sampel dan mengapa berbeza dengan tandatangannya di dalam P4. Mahkamah sesyen tidak terkhilaf untuk menerima keterangan SP1. Isu-isu yang penting adalah proses pengambilan sampel urin perayu, ujian ke atas urin sampel perayu dan keputusan analisis ke atas urin sampel perayu. Sama ada botol urin sampel perayu dikemukakan atau tidak di bicara penuh di mahkamah sesyen, tidak ada impak material ke atas isu-isu yang penting. Tiada faktor-faktor yang telah membuat mahkamah sesyen terkhilaf dalam dapatan mengenai terdapatnya dadah berbahaya di dalam urin perayu (lihat perenggan 12 & 14–17).

I

(3) Mahkamah sesyen tidak terkhilaf dengan membuat dapatan bahawa Laporan Tangkap Tanjung Minyak 1565/18 tidak ada kaitan dengan kes ini kerana fokus kes ini adalah penggunaan dadah berbahaya oleh perayu dan Laporan Tangkap Tanjung Minyak 1565/18 fokus kepada penangkapan perayu sebelum penggunaan dadah berbahaya oleh perayu (lihat perenggan 20–21).

(4) Ekshibit P9, P9A dan P9B telah dikeluarkan oleh mahkamah yang telah dahulunya menjatuhkan hukuman terhadap perayu. P9, P9A dan P9B memberi maklumat material yang diperlukan oleh mahkamah sesyen. Dokumen yang terlibat di dalam kes-kes yang dikemukakan oleh perayu bukan dokumen yang dikeluarkan oleh mahkamah dan tidak mempunyai butir-butir yang material (lihat perenggan 30–31 & 33).

(5) Hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah sesyen adalah hukuman yang paling minima. Hukuman tersebut adalah di dalam ruang litup hukuman yang boleh dikenakan dari sisi undang-undang oleh mahkamah sesyen (lihat perenggan 37–38).

(6) Mahkamah sesyen telah meneliti dan mempertimbangkan 'the totality of the evidence' dan setelah mengaplikasikan beban bukti yang betul. Rayuan ini bukan kes yang sesuai bagi mahkamah menggunakan bidang kuasanya dan budi bicaranya sebagai mahkamah rayuan untuk 'interfere' dengan keputusan mahkamah sesyen (lihat perenggan 40–41).

[English summary

The appellant was charged in the sessions court with the offense of giving to oneself methamphetamine which was an offense under s 15(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 and had two previous records under the same section. Through those records, the appellant was subjected to two surveillance orders issued by the sessions court. After a full hearing, the session court convicted and sentenced him to five years of imprisonment and one whipping. Hence, this appeal by the appellant against the conviction and sentence.

Held, dismissing the appeal:

(1) SP1's evidence on the taking of urine samples from the appellant and testing on the appellant's urine samples was settled. SP3's evidence on the taking of the appellant's urine samples and appellant's urine sample test supported SP1's evidence. The sessions court did not err in accepting their evidence. There was sufficient material to make a finding in favour of the prosecution (see paras 5, 7 & 9–10).

(2) SP1 had explained the position of his signature on the label on the sample urine bottle and why it differed from his signature in P4. The sessions court did not err in admitting the evidence of SP1. The significant issues were the process of taking the appellant's urine sample, the test on the

appellant's urine sample and the results of the analysis on the appellant's urine sample. Whether or not the appellant's sample urine bottle was tendered or not in full hearing in the session court, there was no material impact on the significant issues. There were no factors that made the sessions court erroneous in its finding as to the presence of dangerous drug in the appellant's urine (see paras 12 & 14–17).

(3) The sessions court did not err in finding that the Tanjung Minyak Arrest Report 1565/18 had nothing to do with this case as the focus of this case was the use of dangerous drugs by the appellant and the Tanjung Minyak Arrest Report 1565/18 focused on the appellant's arrest before the use of dangerous drugs by the appellant (see paras 20–21).

(4) Exhibits P9, P9A and P9B were issued by the court which had previously sentenced the appellant. P9, P9A and P9B provided material information required by the sessions court. The documents involved in the cases submitted by the appellant were not documents issued by the court and did not have material details (see paras 30–31 & 33).

(5) The sentence passed by the sessions court was the minimum sentence. The sentence was within the ambit of the sentence that could be imposed legally by the session court (see paras 37–38).

(6) The sessions court had examined and considered the totality of the evidence and having applied the correct burden of evidence. This appeal was not an appropriate case for the court to use its jurisdiction and discretion as an appellate court to interfere with the decision of the sessions court (see paras 40–41).]

Kes-kes yang dirujuk

Mohan a/l Kannapan v Pendakwa Raya [2019] MLJU 778; [2019] 1 LNS 1043, MT (dirujuk)
Muhamad Yazid bin Mohd Yahaya v PP [2018] MLJU 1929; [2018] 1 LNS 2032, MT (dirujuk)
Muhamad Yuzie bin Yusoh lwn Pendakwa Raya [2017] MLJU 2367; [2017] 1 LNS 2267, MT (dirujuk)
PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315 (dirujuk)
PP v Mohamed Nor & Ors [1985] 2 MLJ 200b, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kanun Tatacara Jenayah s 400

A Rengganathan (Ow Su Wan bersamanya) (A Rengganathan & Co) bagi pihak perayu.
Anis Wahidah bt Mohamad (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka) bagi pihak responden.

Maidzuara Mohammed PK:

[1] Pertuduhan terhadap perayu di mahkamah sesyen adalah:

> Bahawa kamu pada 16/03/2018 jam lebih kurang 4.30 pagi di Balai Polis Malim, di dalam Daerah Melaka Tengah, di dalam Negeri Melaka, kamu didapati memberikan kepada diri sendiri dadah jenis Methamphetamine yang mana merupakan kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(a) ADB 1952 dan kamu juga mempunyai (2) rekod terdahulu di bawah Seksyen yang sama di mana melalui rekod tersebut, kamu telah dikenakan (2) perintah pengawasan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Melaka bertarikh 31/01/2013 No. Kes 83-209-01/2013 dan bertarikh 24/08/2017 No. Kes MA-83D-1628-08/2017. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39C(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[2] Setelah bicara penuh, mahkamah sesyen telah sabit kesalahan dan jatuhkan hukuman penjara lima tahun dari tarikh hukum (kerana perayu dijamin) dan satu sebatan.

[3] Perayu telah merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap sabitan dan hukuman.

ISU 1: DAKWAAN PERCANGGAHAN KETERANGAN SP1

[4] Mahkamah ini telah meneliti keterangan SP1 di mahkamah sesyen.

[5] Mahkamah ini dapati bahawa keterangan SP1 mengenai pengambilan sampel urin daripada perayu dan ujian ke atas sampel urin perayu adalah mantap.

[6] Mahkamah ini telah meneliti keterangan SP3 di mahkamah sesyen.

[7] Mahkamah ini mendapati keterangan SP3 mengenai pengambilan urin sampel perayu dan ujian urin sampel perayu menyokong keterangan SP1. Keterangan SP3 tidak berganjak walaupun telah disoal balas oleh peguam perayu.

[8] Mahkamah sesyen telah menerima keterangan SP1 dan SP3 dan membuat dapatan bahawa keterangan SP1 disokong oleh keterangan SP3.

[9] Mahkamah ini dapati bahawa setelah mendengar dan meneliti keterangan SP1 dan SP3, mahkamah sesyen tidak terkhilaf untuk menerima keterangan mereka.

[10] Mahkamah ini juga mendapati bahawa terdapat material yang mencukupi untuk membuat dapatan memihak kepada pendakwaan.

ISU 2: PERBEZAAN TANDATANGAN SP1 ANTARA TANDATANGANNYA DI ATAS LABEL DI BOTOL URIN SAMPEL DAN TANDATANGANNYA DALAM BORANG SERAH MENYERAH BARANG KES (P4)

ISU 3: BOTOL URIN SAMPEL TIDAK DIKEMUKAKAN DI BICARA DI MAHKAMAH SESYEN

[11] Kedua-dua isu di atas ditangani bersama oleh mahkamah ini.

[12] Mahkamah ini dapati SP1 telah menerangkan kedudukan tandatangannya di atas label di botol urin sampel dan mengapa berbeza dgn tandatangannya di dalam P4.

[13] Mahkamah sesyen juga telah membincangkan dan menilai keterangan perayu dengan terperinci.

[14] Mahkamah ini dapati bahawa setelah mendengar dan meneliti keterangan SP1 dan keterangan perayu, mahkamah sesyen tidak terkhilaf untuk menerima keterangan SP1.

[15] Mengenai isu botol urin sampel tidak dikemukakan di bicara penuh di hadapan mahkamah sesyen, mahkamah ini mendapati bahawa isu-isu yang penting adalah proses pengambilan sampel urin perayu, ujian ke atas urin sampel perayu dan keputusan analisis ke atas urin sampel perayu.

[16] Mahkamah ini mendapati sama ada botol urin sampel perayu dikemukakan atau tidak dibicara penuh di mahkamah sesyen, tidak ada impak material ke atas isu-isu yang penting iaitu proses pengambilan sampel urin perayu, ujian ke atas urin sampel perayu dan keputusan analisis ke atas urin sampel perayu.

[17] Mahkamah ini juga telah meneliti dan mengambil kira rantaian keterangan dari proses pengambilan sampel urin perayu sehingga keputusan analisis oleh SP6 (ahli patologi) dan dapati tiada faktor-faktor yang telah membuat mahkamah sesyen terkhilaf dalam dapatan mengenai terdapatnya dadah berbahaya di dalam urin perayu.

ISU 4: LAPORAN TANGKAP TANJUNG MINYAK 1565/18

[18] Di mahkamah sesyen, perayu telah berhujah bahawa pendakwaan telah gagal untuk mengemukakan Laporan Tangkap Tanjung Minyak 1565/18 yang dikatakan berkaitan dengan Laporan Polis Malim/001095/18.

[19] Perayu berhujah bahawa lanjutan dari itu 'adverse inference' di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 patut digunakan terhadap pendakwaan.

[20] Mahkamah sesyen telah membuat dapatan bahawa Laporan Tangkap Tanjung Minyak 1565/18 tidak ada kaitan dengan kes ini.

[21] Mahkamah ini mendapati bahawa mahkamah sesyen tidak terkhilaf kerana fokus kes ini adalah penggunaan dadah berbahaya oleh perayu dan Laporan Tangkap Tanjung Minyak 1565/18 fokus kepada penangkapan perayu sebelum penggunaan dadah berbahaya oleh perayu.

ISU 5: EKSHS P9, P9A DAN P9B

[22] Di mahkamah sesyen, mahkamah sesyen telah menerima eksh P9 yang disokong oleh P9A dan P9B.

[23] Perayu berhujah bahawa dokumen-dokumen itu tidak boleh diterima dan perayu bersandar kepada peruntukan s 400 Kanun Tatacara Jenayah.

[24] Seksyen 400 Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa:

> 400 How previous conviction or acquittal may be proved
>
> (1) In any inquiry, trial or other proceeding under this Code a previous conviction or acquittal or an order directing any person to be under the supervision of the police may be proved in addition to any other mode provided by any law for the time being in force —
>
> (a) by an extract certified under the hand of the officer having the custody of the records of the Court whether of Malaysia or the Republic of Singapore in which that conviction or acquittal was had to be a copy of the sentence or order; or
>
> (b) in case of a conviction either by a certificate signed by the officer in charge of the prison in Malaysia or the Republic of Singapore in which the punishment or any part of it was inflicted, or by production of the warrant of commitment under which the punishment was suffered,
>
> together with, in each of those cases, evidence as to the identity of the accused person with the person so convicted or acquitted.

A (2) In case the officer in charge of any prison shall state in any certificate signed by him that the finger prints which appear on the certificate are those of the person to whom the certificate relates, that certificate shall be evidence of the fact so stated.

(3) Every Court shall presume to be genuine every document purporting to be a certificate of conviction and purporting to be signed by the officer in charge of any
B prison in Malaysia or the Republic of Singapore, and shall also presume that the officer by whom the document purports to be signed was when he signed it the officer in charge of the prison mentioned in that document.

C **[25]** Mahkamah ini telah meneliti peruntukan s 400 Kanun Tatacara Jenayah.

[26] Mahkamah ini mendapati bahawa tujuan dan niat s 400 adalah pembuktian kesalahan lampau seseorang tertuduh. Butir-butir seperti
D butir-butir tertuduh, mahkamah yang menjatuhkan hukuman, butir-butir hukuman dan lain-lain lagi yang diperlukan oleh mahkamah yang memerlukan maklumat mengenai kesalahan lampau perlu terkandung di dalam dokumen yang terlibat.

E **[27]** Objektif dokumen yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan adalah '... untuk membuktikan tanpa was-was yang munasabah perayu mempunyai rekod jenayah lampau/sabitan terdahulu'.

Lihat: *Muhamad Yuzie bin Yusoh lwn Pendakwa Raya* [2017] MLJU 2367; [2017] 1 LNS 2267 di [37].
F

[28] Mahkamah ini juga mendapati cara pembuktian kesalahan terdahulu di bawah s 400 Kanun Tatacara Jenayah tidak terhad kepada dokumen yang disebut secara khusus di dalam s 400 Kanun Tatacara Jenayah itu.

G **[29]** Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah ini. Mahkamah ini telah meneliti dan menilai P9, P9A dan P9B dan kandungan dokumen-dokumen itu.

H **[30]** Mahkamah ini mendapati bahawa P9, P9A dan P9B telah dikeluarkan oleh mahkamah yang telah dahulunya menjatuhkan hukuman terhadap perayu.

[31] Mahkamah ini juga dapati bahawa P9, P9A dan P9B, khususnya P9A
I dan P9B, memberi maklumat material yang diperlukan oleh mahkamah sesyen.

[32] Mahkamah ini telah meneliti kes-kes Mahkamah Tinggi yang dikemukakan oleh perayu.

(a) *Muhamad Yuzie bin Yusoh lwn Pendakwa Raya* [2017] MLJU 2367; [2017] 1 LNS 2267 — dokumen di dalam kes tersebut adalah '... lebih dikenali sebagai kompol iaitu singkatan bagi komputer polis disediakan oleh PDRM ...';

(b) *Muhamad Yazid bin Mohd Yahaya v Public Prosecutor* [2018] MLJU 1929; [2018] 1 LNS 2032 — dokumen di dalam kes itu adalah 'a document titled 'Sistem Pengurusan Rekod Jenayah Polis Di Raja Malaysia'; dan

(c) *Mohan a/l Kannapan v Pendakwa Raya* [2019] MLJU 778; [2019] 1 LNS 1043 — dokumen di dalam kes tersebut adalah 'a printout of the letter and record signed by an employee of the AADK on behalf of their Director General'.

[33] Mahkamah ini dapati bahawa dokumen yang terlibat di dalam kes-kes tersebut bukan dokumen yang dikeluarkan oleh mahkamah dan tidak mempunyai butir-butir yang material. Mahkamah ini memutuskan bahawa kes-kes tersebut diputuskan di atas dan terhad kepada fakta mereka masing-masing.

[34] Dapatan mahkamah di dalam *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315 diulangi di sini:

> One final point regarding *the previous record of a convicted person*. In this case, although the previous convictions were admitted to be correct by the respondent, their particulars were not recorded in the notes of proceedings. Where a convicted person has a previous record, it is the duty of the Magistrate to take down the detailed particulars of the previous offences. *Alternatively, a photostat copy or a certified copy of the previous record should be produced and marked as an exhibit. Personally, I would adopt the alternative method which, I think, is more convenient and would save judicial time*. In this appeal, I have to obtain a copy of the previous record from the deputy public prosecutor.

RAYUAN TERHADAP HUKUMAN

[35] Hujahan perayu adalah kerana sabitan terhadap perayu oleh mahkamah sesyen adalah terkhilaf maka akibatnya rayuan perayu terhadap hukuman mesti dibenarkan.

[36] Hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah sesyen adalah penjara lima tahun dari tarikh hukuman dan satu sebatan.

[37] Hukuman itu adalah hukuman yang paling minima.

[38] Hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah sesyen di dalam kes ini

adalah di dalam ruang litup (*ambit*) hukuman yang boleh dikenakan dari sisi undang-undang oleh mahkamah sesyen.

(Lihat: *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315.)

[39] Tambahan pula di dalam kes *Public Prosecutor v Mohamed Nor & Ors* [1985] 2 MLJ 200b di ms 202, Mahkamah Agung telah memutuskan:

> In this regard we would observe that it is the established principle that an appellate court should be slow to interfere or disturb with a sentence passed by the court below unless it is *manifestly wrong* in the sense of being illegal or of being unsuitable to the proved facts and circumstances. *And the mere fact that another court might pass a different sentence provides no reason for the appellate court to interfere if the court below applies the correct principles in the assessment of the sentence*.

KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI

[40] Mahkamah ini mendapati bahawa mahkamah sesyen telah meneliti dan mempertimbangkan 'the totality of the evidence' dan setelah mengaplikasikan beban bukti yang betul, mahkamah sesyen telah tiba ke keputusannya terhadap perayu.

[41] Mahkamah ini mendapati bahawa rayuan ini bukan kes yang sesuai bagi mahkamah ini menggunakan bidang kuasanya dan budi bicaranya sebagai mahkamah rayuan untuk 'interfere' dengan keputusan mahkamah sesyen.

[42] Rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman ditolak. Sabitan dan hukuman oleh mahkamah sesyen dikekalkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail Illman Mohd Razali